

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 07 April 2016 15:09
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: POLITEKNIK METRO TASIK GELUGOR, PULAU PINANG MAMPU BERDAYA MAJU



07 APRIL 2016 / 29 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H.Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

POLITEKNIK METRO TASIK GELUGOR, PULAU PINANG MAMPU BERDAYA MAJU



ANJUNG TAMU ONLINE: 60 pelajar Politeknik Metro Tasik Gelugor, Pulau Pinang terus melangkah ke hadapan bagi mengenalpasti peluang dan pengalaman melalui lawatan bersempena Discover UUM.

Dengan terlaksananya lawatan seumpama ini, mereka dapat berkongsi pengetahuan dan strategi pengurusan di samping dapat mengeratkan lagi serta secara tidak langsung akan dapat membuka minda mereka ke arah pembentukan konsep sendiri yang lebih positif.

Di samping meningkatkan minat serta motivasi mereka, ruang kerjasama antara UUM dan Politeknik Metro turut direalisasikan menerusi Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM CAS.

Pensyarah yang mengiringi mereka, Suhaila B.J. Hj. Sarif menjelaskan bahawa motivasi pelajar perlu digilap sentiasa supaya kecenderungan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi menjadi kenyataan.

Menurutnya lagi, “Welcome Centre sangat unik dan menarik, maklumat yang diberi lengkap bagi merangsang minat terhadap universiti pengurusan ini”.

“Hanya ucapan terima kasih yang tidak terhingga untuk UUM dapat kami rakamkan”, tambahnya.

Selain itu, lawatan ini juga merupakan wadah bagi mereka melakukan penerokaan ilmu bagi memastikan peningkatan prestasi akademik mereka mampu memberi persediaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

